

## **MH370: Tak salah kerajaan minta maaf**

**Free Malaysia Today**

**1 April 2014**

**Oleh Ikhwan Zulkaflee**

KUALA LUMPUR: Ketua Penerangan PAS Datuk Mahfuz Omar berkata tiada salahnya sekiranya kerajaan memohon maaf diatas kenyataan yang mengelirukan mengenai nasib yang menimpa pesawat MH370

“Bila dia (Datuk Seri Najib Razak) berkata perjalanan pesawat itu tamat di Selatan Lautan Hindi dalam nada yang sedih, ia menyebabkan media mentafsirkannya sebagai terhempas.

“Tapi semalam Hishammuddin berkata perdana menteri tak kata pesawat itu terhempas. Apa lagi yang boleh ditafsirkan? Takkan dia (MH370) tergantung atas awan?,” katanya kepada wartawan di hadapan Pejabat Kedutaan China di sini hari ini.

Mahfuz berkata demikian sebagai mengulas kenyataan perdana menteri itu pada 24 Mac lalu.

Mahfuz bagaimanapun berkata dia memahami kesukaran yang dihadapi oleh kerajaan dalam menyalurkan maklumat kepada keluarga penumpang yang terlibat.

“Terserahlah kepada kerajaan Malaysia sama ada mereka perlu untuk memenuhi permintaan keluarga supaya kerajaan Malaysia meminta maaf.

“Bukan meminta maaf keatas kejadian tetapi meminta maaf keatas kekeliruan-kekeliruan yang mungkin timbul daripada kenyataan-kenyataan (yang dikeluarkan),” katanya lagi, sambil menambah tidak salah kerajaan berjiwa besar dan memohon maaf.

Menurutnya lagi, kenyataan yang dibuat oleh Menteri Pertahanan merangkap pemangku Menteri Pengangkutan Datuk Seri Hishammuddin Hussein semalam menyebabkan rakyat Malaysia terkelu dan menambahkan lagi kekeliruan.

Terdahulu, Mahfuz mengetuai satu delegasi Ahli Parlimen PAS dalam satu kunjungan hormat kepada duta China ke Malaysia.

Delegasi itu turut melibatkan Datuk Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad Baharuddin Shah (Kuala Terengganu), Datuk Kamaruddin Jaffar (Tumpat), Dr Siti Mariah Mahmud (Kota Raja), Dr Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar), Datuk Takiyuddin Hassan (Kota Bharu) dan Idris Ahmad (Bukit Gantang).

Menurut Mahfuz, mereka bertemu dengan wakil duta China dan melahirkan rasa simpati keatas kehilangan 154 warga China dalam pesawat tersebut.

“Kami juga mengucapkan terima kasih terhadap sokongan konsisten yang diberikan kerajaan China dalam operasi SAR (mencari dan menyelamatkan) yang berterusan sehingga sekarang.

“Kami juga mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Malaysia dan simpati kepada keluarga

rakyat Malaysia termasuk anak kapal dan kami menawarkan kerjasama yang diperlukan untuk kami bantu mereka apatah lagi kami difahamkan ada 40 buah keluarga rakyat China yang dibawa ke Malaysia untuk mendengar taklimat keadaan terkini pesawat itu,” tambahnya lagi.

Menurut Mahfuz, kedutaan China di Malaysia berpuas hati dengan segala usaha kerajaan dalam menangani isu ini.

“Mereka sangat memahami dengan situasi yang ada ini yang terpaksa dihadapi oleh negara Malaysia sendiri,” katanya.

Pesawat MH370, yang membawa 239 penumpang termasuk anak kapal didapati hilang selepas berlepas dari Kuala Lumpur pada 8 Mac lalu.

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/04/01/mh370-tak-salah-kerajaan-minta-maaf/>